



3. Lokasi Pemasangan

4.8 meter

BP HEYAP LEONG SDN.BHD] 1.22 meter



MAJLIS PERBANDARAN
BATU PAHAT

GARIS PANDUAN PAPAN IKLAN DAN NAMA KEDAI DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT

Seragam, Kemas, Nostalgia



Papan Tanda Melintang (Jenis Wording Sign)

- Hanya dibenarkan dipasang di "beam" bangunan premis perniagaan
- Keutamaan pemasangan papan iklan / iklan nama hendaklah di kawasan nama asal bangunan**
- Perlu menyediakan ruang 0.5 kaki pada kiri dan kanan premis;
- Tidak menutup cermin, tingkap dan fasad bangunan
- Tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis

4. Kandungan dan Visual Paparan

- Tulisan atau grafik perlu seimbang dan bersesuaian dan tidak melebihi 2/3 daripada ketinggian papan iklan
- Perlu mengandungi nama syarikat
- Aktiviti perniagaan hendaklah dinyatakan dalam Bahasa Malaysia
- Saiz tulisan jenama keutamaan hendaklah lebih dominan daripada saiz tulisan aktiviti perniagaan
- Nombor rujukan lessen perniagaan MPBP hendaklah dipaparkan di bahagian bawah sebelah kanan papan iklan

5. Bahasa

- Bahasa Melayu hendaklah digunakan dalam semua jenama keutamaan atau bersama-sama dengan bahasa-bahasa lain kecuali bagi jenama khas perniagaan seperti TOSHIBA, SAMSUNG dan SHARP
- Penggunaan Bahasa Malaysia hendaklah diutamakan dan 10% lebih besar daripada bahasa lain.
- Mendapat kelulusan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Pengesahan secara online boleh diperolehi melalui laman web <http://www.dbp.gov.my>

Papan Tanda Mengunjur (Projecting Sign)

- Hanya dibenarkan dipasang di antara tingkat 1 dan tingkat 2 bangunan premis perniagaan
- Perletakannya perlu berjarak minimum 2.6 meter dari paras jalan dan ke atas
- Tidak melindungi pandangan atau menghalang laluan

6. Bahan Binaan

- Jenis yang tidak boleh memantulkan cahaya dan tidak mengganggu tumpuan penggunaan jalan dan orang awam pada waktu siang dan malam

7. Pencahayaan

- Pencahayaan pada waktu malam perlu dikawal agar tidak mendatangkan kacau ganggu atau silau kepada pengguna jalan dan orang awam

8. Larangan Visual


- Tidak dibenarkan memaparkan maklumat dan iklan, rokok, gambar yang mencolok mata, serta tatakelakuan kurang sopan atau lucuh;**
- Tidak dibenarkan sebarang trade mark, logo, slogan (tag-line) yang kurang sopan dan mempunyai tujuan negatif**

9. Perlindungan Insurans

Saiz papan iklan yang terlibat adalah

- Papan iklan yang dipasang secara bersambungan pada dua (2) atau lebih lot premis.
- Papan iklan yang dipasang secara bersambungan melibatkan dua (2) atau lebih aras premis.
- Lain-lain saiz yang ditentukan oleh MPBP.

ZON WARISAN BANDAR PENGGARAM



- i. Sebahagian Jalan Shahbandar;
- ii. Sebahagian Jalan Rugayah;
- iii. Sebahagian Jalan Soga;
- iv. Sebahagian Jalan Jenang;
- v. Sebahagian Jalan Ismail;
- vi. Sebahagian Jalan Mohd Khalid;
- vii. Sebahagian Jalan Rahmat;
- viii. Sebahagian Jalan Sultanah;
- ix. Jalan Engan;
- x. Jalan Penggaram;
- xi. Jalan Idrus;
- xii. Jalan Fatimah;
- xiii. Jalan Ibrahim; dan
- xiv. Jalan Pasar.



ASPEK GARIS PANDUAN PAPAN IKLAN DAN NAMA KEDAI

1. Jenis Dan Saiz Papan Tanda

- Saiz papan tanda jenis melintang yang dibenarkan perlu mengikut saiz kelebaran unit premis dengan ketinggian **maksimum 4 kaki (1.22 meter)**
- Jenis papan tanda yang dibenarkan di dalam zon warisan Bandar Penggaram adalah jenis **wording sign**
- Saiz papan tanda jenis mengunjur yang dibenarkan perlu mengikut saiz kelebaran **1meter x 1meter** dan perlu berjarak minimum 2.6 meter dari paras jalan
- Kain rentang tidak dibenarkan dijadikan papan tanda premis perniagaan secara kekal

2. Rekabentuk papan tanda / tanda nama

- Hanya papan tanda jenis tulisan sahaja dibenarkan
- **Tidak dibenarkan menanggalkan elemen tahun atau tarikh asal yang diukir pada bangunan warisan**
- Bagi premis yang telah diistiharkan sebagai tapak warisan, rekabentuk papan tanda / tanda nama hendaklah merujuk kepada Rancangan Kawasan Khas Bandar Penggaram 2015-2025 dan Pelan Induk berkaitan serta mendapatkan nasihat daripada pihak MPBP

PRINSIP PERANCANGAN

Jelas dan Ringkas

- Penggunaan ayat dan bahasa perlu tersusun dan tepat dari segi ejaan dan tatabahasa.
- Visual dan kandungan yang dipaparkan pada papan tanda perlu jelas dan tidak mengelirukan orang awam.
- Paparan yang dilarang adalah seperti gambar yang menjolok mata, perkataan dan ayat yang berbau sentimen perkauman dan lucuah.

Selamat

- Perlu mendapat pengesahan daripada profesional
- Tidak menutup atau menghalang mana-mana tingkap atau ruang keluar asap yang ada di luar tembok bangunan.

Kemas

- Saiz dan reka bentuk papan tanda perlu bersetujuan dengan fungsi dan karektor premis
- Tidak dibenarkan untuk menutup atau menghalang papan tanda lain sedia ada

Penghayatan Nilai Warisan

Perletakan papan tanda tidak dibenarkan menutup fasad bangunan di kawasan warisan. Ini adalah bagi menonjolkan karakter seni bina serta memelihara nilai sejarah dan estetik kawasan warisan.

Penggunaan Bahasa dan Tulisan

Setiap papan iklan hendaklah mengutamakan bahasa Malaysia dalam penyediaan iklan. Bahasa lain juga dibenarkan tetapi saiz perkataan perlulah lebih kecil dan jumlah perkataan tidak melebihi daripada bahasa Melayu.

1. Bahasa Cina
2. Bahasa Tamil
3. Bahasa Inggeris
4. Bahasa-bahasa lain yang dibenarkan/diluluskan oleh MPBP



SILA IMBAS UNTUK MENDAPATKAN GARIS PANDUAN PAPAN IKLAN DAN NAMA KEDAI MPBP